

Harian Metro
27 November 2015

Sun Life edar 1,000 payung

Kuala Lumpur: Sun Life Malaysia (Sun Life Malaysia Assurance Berhad dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad) mengedarkan 1,000 payung secara percuma kepada orang ramai pada 28 dan 29 November ini bertempat di Stesen Putra LRT Kelana Jaya Putra.

Acara itu bermatlamat memberi kesedaran kepada masyarakat Malaysia mengenai penggunaan payung ketika cuaca panas dan hujan selaras dengan skim perlindungan Wang Sepanjang Hayatnya.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Negaranya, Ooi Say Teng berkata, penganjuran program seiring dengan usaha pemasaran syarikat menyerlahkan

pendekatan perancangan perlindungan kewangan.

“Wang Sepanjang Hayat dicipta bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai keperluan untuk perancangan kewangan yang mencukupi dan bagaimana pilihan yang tepat boleh memberi kesan kepada pelanggan.

“Pelancarannya berobjektif membantu rakyat Malaysia mengenai kepentingan mempunyai ‘wang untuk hidup’. Walaupun ramai rakyat Malaysia sedar keperluan insurans, simpanan dan pelaburan, namun mereka mungkin tidak sedar bagaimana pilihan kecil mereka masa ini mampu memberikan hasil kewangan berbeza,” katanya.